



ماجوتن

Diterbitkan sejak tahun 1932

MAJUTAN

Edisi Jan-Jun 2018 Untuk kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE PETAK PEMELIHARAAN BERNILAI TINGGI (HCVF) BUNGA PAKMA DI HUTAN SIMPAN GERIK, PERAK.



HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR TAHUN 2018



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017 DAN MERAIKAN PESARA 2018 DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT	YBhg. Dato' Hj Nor Akhirrudin bin Mahmud Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
PENGURUSI	YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)
KETUA PENGARANG	Puan Hajah Shashiah binti Abdul Karim Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



JAWATAN KUASA MAJUTAN

Tuan Hj Fauzi bin Abu Bakar PENGARANG	Mohd Izani bin Abdullah PENOLONG PENGARANG II
Othman bin Deris PENOLONG PENGARANG 1	Kamal Kusyairi bin Abd Ghani KONSEP DAN REKA BENTUK II
Suhana binti Bebakar KONSEP DAN REKA BENTUK I	En. Rohaizan bin Mohamad PERCETAKAN DAN EDARAN II
Rajihan bin Rahim PERCETAKAN DAN EDARAN I	

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

Nurazuwah binti Omar JOHOR	Siti Sarah binti Shaharuddin KEDAH	Mohd Fazri bin Faisal KELANTAN
Norliza binti Md MELAKA	Suhaidi bin Sinin PERAK	Sanja a/p Boon Kong PULAU PINANG
Nor Wahidah binti Amran SELANGOR	Siti Norhayati binti Mastar NEGERI SEMBILAN	Edevaldo J. Yapp PAHANG
Mohd Hafni bin Ahmad Saraji TERENGGANU		Mohd Hafiz bin Hamzah WILAYAH PERSEKUTUAN

WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN Muhammad Fekri bin Taib	KHIDMAT PENGURUSAN Zuraida binti Mohd Aziz
PENGURUSAN HUTAN Noor Saidatul Huriah binti Shaharudin	PENGURUSAN MAKLUMAT Mazura Binti Marzuki
SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN Mohd Saman bin Sanget	TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN Sharifah Amira binti Salim	PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN Zulkurnain bin Zakaria
HAL EHWAH ANTARABANGSA Nora Azlina binti Musa	FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI Muhammad Firdaus bin Khadlan
LATIHAN PERHUTANAN Muhammad Hafidz bin Abdullah	KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM Abdul Nasir bin Ismail
PENGUATKUASAAN HUTAN Muhamad Azman bin Yahya	SETIAUSAHA PUSPANITA Rafizah bin Minhat
KEJURUTERAAN HUTAN Kamariza Fairus binti Marzuki	

DARI MEJA KETUA PENGARANG

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan izin-nya sekali lagi Buketin MAJUTAN Edisi Januari-April 2018 dapat menemui pembaca khususnya warga JPSM. Saya selaku Ketua Pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi serta para penulis artikel dan laporan peristiwa yang senantiasa memberi komitmen sehingga berjaya menerbitkan buletin MAJUTAN untuk terus berada di hati warga JPSM.

Penghargaan yang tidak terhingga dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara lansung atau tidak lansung atas bantuan dan dorongan sehingga Buletin ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Tujuan Buletin ini dihasilkan adalah untuk memaparkan serta penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi. Program-program yang telah berjaya diadakan hasil kerjasama semua warga kerja JPSM dan ianya telah dimuatkan dalam MAJUTAN ini. Selain itu terbitan Buletin MAJUTAN ini, turut memberi peluang kepada warga untuk mengasah bakat masing-masing dalam menghasilkan artikel/penulisan yang baik.

Saya mewakili Sidang Redaksi Buletin MAJUTAN memohon ampun dan maaf andai terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kandungan Buletin ini.

Akhir kata, saya yakin semua warga JPSM akan dapat meneruskan usaha untuk menjadi sebuah agensi terunggul dalam Pengurusan Hutan secara Berkekalan demi Kesjejahteraan Masyarakat.

Sekian terima kasih.

Hajah Shashiah binti Abdul Karim
Ketua Pengarang

DIREKTORI

2	10	18
MAJLIS PERPISAHAN KETUA UNIT INTERGRITI IPJPSM LAWATAN KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	BENGKEL PENYEDIAAN MANUAL PROSUDER KERJA MAJLIS RAMAH MESRA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG BERSAMA WARGA PEJABAT HUTAN DAERAH JERANTUT	RETREAT INTEGRITI DAN TADBIR URUS [Pengurusan Tata tertib Dan Laporan Audit Negara] INISIATIF HIJAU KL 2017: PROGRAM PENANAMAN POKOK "1 PINGAT 1 POKOK" JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK
3	11	19
MALIS PERHIMPUNAN DAN PEMBAHARUI IKRAR JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN KEMPEN DERMA DARAH IPJPSM	KURSUS TEKNIK TEBANGAN BERARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN KURSUS "SAFETY, OPERATION & MAINTENANCE KOMATSU SKID STEER LOADER SK815-5E0"	PROGRAM PEMULIHARAAN PESISIR PANTAI BERSAMA KOMUNITI DAERAH PEKAN
4	12	20
MESYUARAT AGUNG PUSPANITA JPSM KALI KE 15 TAHUN 2018 TAKLIMAT DAN DIALOG BERKAITAN PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING	MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017 & MERAIKAN PESARA 2018 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK KEJOHANAN BOLA JARING PEKSJAP JERANTUT 2018.	PANDUAN IKHTIAR HIDUP DI HUTAN
5	13	
LAWATAN KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/ PEKAN/ MARAN KE AIR TERJUN PELANGI SUNGAI LEMBING KUANTAN PAHANG KEJOHANAN BOWLING JPNNS 2018	OPERASI BERSEPADU OPS KHAZANAH - EMAS DI HUTAN SIMPAN GUNUNG ARONG TAHUN 2018 MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR TAHUN 2018	
6	14	
KURSUS DENDROLOGI PENGAWAS HUTAN DAN PEMBANTU AWAM SIRI 2/2018 MESYUARAT PEMUTIHAN KERTAS SIASATAN (ZON TIMUR) BAGI PEGAWAI PENYIASAT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG	LAWATAN EKSPEDISI LATA LAYANG, KAMPUNG PAGI BERSAMA PELAJAR BACHELOR SAINS PERHUTANAN, FAKULTI PERHUTANAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018	
7	15	
KURSUS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN ASAS TRAKTOR EKSPEDISI MINI KAJIAN PENILAIAN KOMPOSISI FLORA HUTAN SIMPAN LEPAR, PAHANG	PROGRAM SIARAN LANGSUNG TV AL-HIJRAH "PERMATA INSAN – PEMANGKIN TEKNOKRAT ISLAM AGUNG" KURSUS ANATOMI KAYU BAGI PENGAWAS HUTAN, ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.	
8	16	
KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH PHD JERANTUT KURSUS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN ASAS MOTOSIKL LASAK	KURSUS PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN KEBAKARAN HUTAN JPSM KEJOHANAN BOWLING PEKSJAP JERANTUT 2018	
9	17	
KURSUS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN ASAS KENDERaan PACUAN EMPAT RODA KEJOHANAN SUKAN PERSAHABATAN ANTARA PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK (PERKSPer) DENGAN PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG (PEKSJAP) JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK	KURSUS PENGECAKAN SPESIES DIPTEROKARPA DAN BUKAN DIPTEROKARPA DI PETAK KAJIAN TUMBESARAN (GROWTH PLOT) MAJLIS RAMAH MESRA KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA DAN PEJABAT LADANG HUTAN KEMASUL BERSAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG	

MAJLIS PERPISAHAN KETUA UNIT INTEGRITI, IPJPSM

Disediakan Oleh : Mohd Fouzi bin Abdul Hamid
Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 5 JANUARI 2018

Berkuatkuasa 2 Januari 2018, Ketua Unit Integriti Perhutanan (KUIP), Tn. Ahmad Sabri bin Mohamed dan En Hamzah bin Abdullah, Penolong Pengarah Pugesan dan Pengesahan PP(PP) telah diarrah bertukar ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Tn. Ahmad Sabri bin Mohamed dan En Hamzah bin Abdullah merupakan pegawai kader dari SPM yang ditempatkan di Unit Integriti Perhutanan (UIP) Jabatan perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Pada 5 Januari 2018 bertempat di Pejabat Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diadakan Majlis Penyerahan

Nota Serah Tugas di antara Tn. Ahmad Sabri bin Mohamed KUIP dan En Hamzah bin Abdullah PP(PP) bersama YBhg. Dato' Hj Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sejak penubuhan UIP pada 15 Februari 2014, Tn. Ahmad Sabri bin Mohamed merupakan Ketua UIP yang ketiga mulai 1 Julai 2017 menggantikan Tn. Hairuzam bin Mohamad Amin@Hamim yang bertukar ke SPM Selangor manakala En Hamzah bin Abdullah adalah Penolong Pengarah Pugesan dan Pengesahan ke dua yang ditempatkan di UIP JPSM mulai 1 Julai 2016 di mana jawatan tersebut tiada penyandang.



LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA KE JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 5-7 JANUARI 2018

Satu Lawatan Kerja Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Ke Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah diadakan selama tiga hari di Hulu Perak. Selama tiga hari tersebut, YBhg Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) telah melawat kawasan Petak HCVF Bunga Pakma SBhg. Kompt. 28 & 29 Hutan Simpan Gerik berhampiran dengan Kampung Bongor, Gerik.



Bunga Pakma yang terdapat di kawasan Petak HCVF Bunga Pakma SBhg Kompt. 28 & 29 Hutan Simpan Gerik merupakan spesies bunga Pakma Kobis (*Rafflesia Cantleyi*) dan Pakma Tikus (*Rhizanthes lowii*). Selain itu juga, YBhg Dato' KPPSM turut membuat lawatan di Ladang Eucalyptus di Lenggong.

MAJLIS PERHIMPUNAN TAHUNAN DAN PEMBAHARUI IKRAR JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh:

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

SEREMBAN , 5-7 JANUARI 2018

SEREMBAN, Wisma Negeri 9 Januari 2018 – Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan Majlis Perhimpunan Tahunan Dan Pembaharui Ikrar Jabatan Perhutanan bagi tahun 2018. Seramai 180 kakitangan dan pegawai telah hadir pada hari tersebut. Majlis Perhimpunan ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan, Encik Hj.Salim Bin Aman dan dihadiri oleh semua kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Disamping itu majlis turut disertakan dengan majlis penyampaian sumbangan pada kakitangan yang bersara dan sijil penghargaan kepada kakitangan yang telah terlibat dengan program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan 2017



KEMPEN DERMA DARAH IPJPSM

Disediakan oleh:

Shohaimi bin Md Sani & Idris bin Husin,

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

DEWAN DAMAR MINYAK IPJPSM, 11 JANUARI 2018



Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Pusat Darah Negara (PDN) telah mengadakan Kempen Derma Darah 2018. IPJPSM bertempat di Dewan Damar Minyak bermula jam 10.30 pagi hingga 4 petang.

Sepanjang sehari kempen diadakan, seramai 35 orang telah menderma darah yang terdiri daripada warga

kerja IPJPSM serta kakitangan kerajaan sekitar IPJPSM. YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM turut sama menderma darah semasa kempen ini.

Kempen derma darah ini diadakan adalah bertujuan membantu Pusat Darah Negara untuk mengisi tabung darah negara disamping memupuk kesedaran dan kepentingan menderma darah di kalangan masyarakat khasnya warga kerja IPJPSM. Pusat Darah Negara memerlukan sekurang kurangnya 500 unit darah sehari bagi menampung bekalan darah yang semakin meningkat. Pihak pengajur mengucapkan ribuan terima kasih kepada penderma dan warga yang telah menjayakan kempen ini.

MESYUARAT AGUNG PUSPANITA JPSM KALI KE-15 TAHUN 2018

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
PUSPANITA, JPSM

KUALA LUMPUR, 18 JANUARI 2018

Mesyuarat Agung PUSPANITA JPSM Kali Ke-15 Tahun 2018 yang diadakan di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah merupakan satu mesyuarat yang wajib diadakan pada setiap tahun mengikut Perkara 20 dalam Perlumbagaan PUSPANITA. YBhg. Datin Pengurus PUSPANITA JPSM turut menekankan bahawa misi PUSPANITA adalah untuk menjadikan suri dan anggota wanita perkhidmatan awam sebagai seorang yang berdaya saing, berkualiti, berilmu, berkemahiran, berketrampilan dan bertaqwa. Mesyuarat Agung pada kali ini telah mengadakan pelantikan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JPSM bagi Sesi 2018/2019 sekaligus Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JPSM Sesi 2016/2017 telah dibubarkan.

Seramai 89 orang Ahli PUSPANITA JPSM telah menghadiri Mesyuarat Agung pada kali ini dan apa yang lebih menarik pada Mesyuarat Agung kali ini ialah hadiah bagi aktiviti cabutan bertuah telah ditambah menjadi 30 hadiah dan 3 hadiah utama (*Grand Prize*) telah disumbangkan oleh YBhg. Datin Pengurus PUSPANITA JPSM. Turut juga diadakan Pemeriksaan Kesihatan yang asas seperti ujian tekanan darah, kadar nadi, BMI yang merangkumi berat serta ketinggian juga pemeriksaan *pap smear* untuk memastikan semua Ahli PUSPANITA JPSM mempunyai tahap kesihatan yang baik.

Selain daripada itu, semua Ahli PUSPANITA JPSM yang hadir dikehendaki mengisi borang Cadangan Aktiviti bagi Tahun 2018

dan dua (2) cadangan aktiviti yang paling menarik akan dipilih sebagai pemenang Pertandingan Aktiviti Menarik 2018. Beberapa gerai jualan makanan serta barang *preloved* juga turut dibuka.



TAKLIMAT DAN DIALOG BERKAITAN PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 25 JANUARI 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah menganjurkan Sesi Taklimat Dan Dialog Berkaitan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 yang telah diadakan di Dewan JPNP. Perintah kualiti alam sekeliling (aktiviti yang ditetapkan) (penilaian kesan kepada alam sekeliling) 2015, telah dilaksanakan bermula tahun 2015 lagi. Pihak JPNP memandang serius perkara ini dan selaras dengan itu, pihak Jabatan mengambil langkah pendekatan untuk menganjurkan sesi taklimat dan dialog sebergini. Tujuan sesi ini diwujudkan adalah untuk memperincikan keperluan penyediaan Environmental Impact Assessment (EIA) bagi aktiviti pembalakan, pengkuarian, pengambilan pasir, pembinaan menara telekomunikasi dan talian elektrik serta lain-lain aktiviti di dalam hutan simpanan kekal disamping meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kita dalam mematuhi perintah kualiti alam sekeliling 2015 ini.

Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Yang Berusaha Puan Rohimah Binti Ayub Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Bahagian Penilaian

Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Dalam sesi taklimat ini bukan saja warga JPNP yang terlibat malah wakil-wakil Jabatan Perhutanan Negeri, Wakil Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan agensi-agensi yang lain diantaranya ialah YBhg Dato' Mohd Ridza Bin Awang Pengarah Bahagian Pengurusan Hutan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg Dato' Lim Kee Leng Pengarah Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg Dato' Hj Mohd Nasir Bin Abu Hassan Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, wakil-wakil Jabatan Perhutanan Negeri, Ketua-Ketua Bahagian Dan Ketua-Ketua Unit Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta wakil-wakil Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak, Pejabat Tanah & Galian Negeri Perak, Tenaga National

Berhad, Perbadanan Menteri Besar Perak, Persatuan Perniagaan Kayu Kayan Negeri Perak, Persatuan Kuari Perak, Pengurusan Pasir Perak, Perak Hydro Renewable Energy Corporation, Perak Implementation And Coordination Corporation dan wakil-wakil Pengamal Media.



LAWATAN KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN KE AIR TERJUN PELANGI, SUNGAI LEMBING, KUANTAN PAHANG.

Disediakan oleh:
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

29 JANUARI 2018

Pada 29 Januari 2018 yang lalu, Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran (PHD KPM) dengan kerjasama Pihak Pengurusan Air terjun Pelangi telah menganjurkan satu lawatan ke Air Terjun Pelangi (ATP) untuk kakitangan PHD KPM. Seramai 57 orang kakitangan PHD KPM yang terdiri dari kakitangan unit pentadbiran dan kakitangan berpakaian seragam telah menyertai lawatan ini yang diketuai oleh Pegawai Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran iaitu En. Ismail Ali bin Kamarudeen. Air terjun ini dinamakan ATP kerana terdapat Cahaya pelangi pada air terjun ketika cuaca panas. Cahaya pelangi pada air terjun ini hanya dapat dilihat dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi sahaja.

ATP ini terletak di dalam kompartmen 120 Hutan Simpan Remen Chereh manakala pengurusannya telah diswastakan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Baru (JKKKB) Sungai Lembing. Untuk sampai ke ATP, pelawat perlu menaiki pacuan empat roda selama 1 jam dari pekan Sungai Lembing ke Lubuk Beruk dan 45 minit lagi secara berjalan kaki dari Lubuk Beruk ke ATP. Para pelawat boleh menghubungi pihak Pengurusan ATP untuk tempahan pakej termasuk

pinginapan, penunjuk arah dan pengangkutan. JKKKB Sungai Lembing telah diberikan Permit Penggunaan dan Permit Jalan untuk menguruskan ATP.

Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada kakitangan yang belum pernah sampai ke ATP terutamanya kakitangan pentadbiran untuk melihat keindahan ATP dan juga kecantikan dan kedamaian di dalam hutan semasa 'jungle trekking'. Disamping itu aktivi ini juga dapat meningkatkan daya tahan fizikal kepada kakitangan yang terlibat. Sungai Lembing yang terletak lebih kurang 30 km dari bandar kuantan adalah satu tempat amat menarik untuk dikunjungi. Selain memiliki ATP yang cantik, Sungai Lembing juga

mempunyai bukit panorama yang menjadi lokasi 'mesti datang' kepada fotografer kerana mempunyai pemandangan matahari terbit yang sangat cantik berserta kabus dan kawasan hutan serta bukit bukau. Disamping itu, di pekan Sungai Lembing juga terdapat sebuah Muzium yang mempamerkan kegemilangan Sungai Lembing yang menjadi kawasan perlombongan Bijih Timah.



KEJOHANAN BOWLING JPNNS 2018

Disediakan oleh : Irwan Bin Pilus
Unit Pengembangan dan Latihan Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan

SEREMBAN, 31 JANUARI 2018



Persatuan Kebajikan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (PERKEHNS) telah menganjurkan satu Kejohanan Bowling Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan(JPNNS 2018) pada 31 Januari 2018 berlangsung di Ole-Ole Superbowl Seremban 2, Maydin Mall Seremban. Kejohanan ini telah disertai seramai 90 orang perserta yang terdiri daripada 40 orang perserta daripada setiap Renj. Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Barat(PHDNSB),Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Timur(PHDNST), Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan

Utara(PHDNSU) untuk merebut Piala Pusingan Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan.Kejohanan pada kali ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus Hj. Salim bin Aman. Pertandingan ini bukan sahaja sebagai aktiviti tahunan tetapi juga bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim sesama kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri,Negeri Sembilan Darul khusus.

KURSUS DENDROLOGI PENGAWAS HUTAN DAN PEMBANTU AWAM SIRI 2/2018

Disediakan Oleh : Irwan bin Pilus, Noor fadli bin Hamzah
 Zaikharizat bin Bahari, Mohd Firdaus bin Mohd Sharif
 Unit Pengembangan Dan Latihan

JELEBU, 05 hingga 08 Februari 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah menganjurkan Kursus Dendrologi Bagi Pengawas Hutan di Taman Alam Liar, H.S. Kenaboi, Jelebu seramai 32 orang kakitangan beruniform telah menghadiri kursus ini terdiri daripada Pengawas Hutan dan juga Pembantu Awam. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan juga kemahiran berkenaan pengenalan jenis daun dan juga spesies pokok, ia juga membantu meningkatkan pengetahuan semasa berkerja. Tenaga pengajar bagi kursus ini telah dijemput khas iaitu Encik Mohd Nasir Bin Muhammad dan Encik Salleh Bin Endut.

**MESYUARAT PEMUTIHAN KERTAS SIASATAN (ZON TIMUR) BAGI PEGAWAI PENYIASAT DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG**

Disediakan oleh: Line @ Norline binti Zarnudin
 Bahagian Perundungan dan Pendakwaan, IPJPSM

KUANTAN 6-8 FEBRUARI 2018

Bahagian Perundungan & Pendakwaan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah mengadakan Mesyuarat Pemutihan Kertas Siasatan (Zon Timur) bersama Pegawai Siasatan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Kompleks Tun Razak, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Mesyuarat ini diadakan dengan tujuan untuk membuat penelitian dan semakan ke atas



kertas-kertas siasatan yang tertunggak di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Hasil daripada penelitian dan semakan ini tindakan perundungan dan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan hutan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dapat diselesaikan dengan segera dan segala permasalahan yang berbangkit yang berkaitan dengan siasatan kesalahan hutan dapat dibincangkan bersama-sama dengan pegawai penyiasat yang terlibat. Selain itu, pegawai penyiasat juga boleh mendapatkan khidmat nasihat berkenaan penyediaan kertas-kertas siasatan bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan pegawai penyiasat berkenaan penyediaan kertas siasatan yang berkualiti dan mendedahkan pegawai penyiasat tentang keperluan dalam memberikan taklimat kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya. Kesimpulannya, mesyuarat ini sangat bermanfaat dalam inisiatif Bahagian Perundungan dan Pendakwaan di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia



untuk menyelesaikan kertas siasatan yang tertunggak di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang. Dengan cara ini juga, dapat membantu memastikan tindakan perundungan dan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan hutan di Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dapat dipertingkatkan.

KURSUS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN ASAS TRAKTOR

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

LENTANG 7 FEBRUARI 2018

Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus Pengendalian Dan Penyelenggaraan Asas Traktor pada 07 Februari 2018 yang bertempat di Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Bentong, Pahang.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan kakitangan Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang berkenaan pengendalian dan

penyelenggaraan asas traktor yang telah diterima oleh mereka melalui program-program latihan yang telah ditetapkan oleh pihak Farmax Tractors (M) Sdn. Bhd.

Fasilitator untuk kursus ini adalah Encik Loh Sau Cheong yang merupakan Pengurus Jualan di Farmax Tractors (M) Sdn. Bhd. Pihak urusetia mensasarkan seramai 12 peserta yang akan menghadiri kursus ini, dan seramai 12 peserta yang dapat hadir tanpa halangan. Peserta kursus



terdiri daripada pegawai dan kakitangan JPSM di Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Bentong, Pahang dan Ibu Pejabat. Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan jabatan untuk supaya lebih memahami mengenai berkenaan pengendalian dan penyelenggaraan asas traktor yang digunakan dalam tugas sehari-hari.

EKSPEDISI MINI KAJIAN PENILAIAN KOMPOSISI FLORA HUTAN SIMPAN LEVAR, PAHANG

Disediakan oleh: Nor Saidatul Huriah Bt. Shaharudin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM.

KUANTAN, 11 FEBRUARI 2018

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah mengadakan Ekspedisi Mini Kajian Penilaian Komposisi Flora Hutan Simpan Lepar, Pahang pada 11 hingga 14 Februari 2018 di Hutan Simpan Lepar, Pahang. Peserta ekspedisi seramai 48 orang terdiri daripada pengkaji dari Institut Pengajian Tinggi dan agensi-agensi seperti, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Folia Malaysiana, Pulau Pinang.

Ekspedisi ini bertujuan untuk mengumpul, mendokumentasikan dan menjalankan kajian saintifik ke atas kepelbagaiannya flora hutan yang terdapat di Hutan Simpan Lepar, Pahang. Data-

data yang diperolehi akan dapat membantu Jabatan di dalam membuat penilaian komposisi flora di kawasan tersebut.

Ekspedisi ini telah berjaya mengumpul maklumat berkaitan flora lumut terdiri daripada 31 spesies, 2 subspecies dan 8 varieti dalam 10 genus dan 9 famili yang mewakili 7.3% daripada 558 takson di Semenanjung Malaysia. Sejumlah 32 spesies paku pakis dan kerabatnya daripada 24 genus dan 17 famili telah direkodkan. Sejumlah 670 spesies daripada 346 genus dan 90 famili tumbuhan berbiji telah juga direkodkan.

Anggaran biojisim ialah 553.07 t/ha. Kebanyakan spesies tumbuhan yang wujud adalah lazim dijumpai di kawasan yang serupa di Semenanjung Malaysia walaupun terdapat juga 31 spesies endemik kepada Semenanjung



Malaysia dan 82 spesies yang dikategorikan oleh IUCN sebagai terancam atau berada dalam bahaya. Secara keseluruhan flora di kawasan kajian adalah lazim dan hanya beberapa spesies mempunyai nilai saintifik dan pemuliharaan.

KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH PHD JERANTUT

Disediakan oleh :

Mohd Zarin Bin Ramlan

Pejabat Hutan Daerah Jerantut

JERANTUT, PAHANG, 11 FEBRUARI 2018

Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah PHD Jerantut telah diadakan pada 11 Februari 2018 bertempat di Padang FA Daerah Jerantut melibatkan semua warga PHD Jerantut. Sebanyak enam (6) pasukan telah menyertai kejohanan ini yang terdiri daripada Kumpulan Lidah Buaya, Misai Kucing, Kelambu Rimau, Hempedu Beruang, Peluruh Gajah dan Geraham Badak. Pemilihan nama kumpulan ini adalah berdasarkan jenis-jenis tumbuhan herba tempatan. Kejohanan ini bertujuan untuk memperkuuhkan silaturahim

di antara warga PHD Jerantut serta memastikan tahap kecerdasan dan kesihatan seluruh warga PHD Jerantut berada pada tahap yang baik. Pada perlawanan akhir menyaksikan pertembungan di antara Kumpulan Hempedu Beruang dan Kelambu Rimau. Jaringan emas daripada En. Tengku Ishamudin telah menobatkan Kumpulan Hempedu Beruang menjuarai Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah PHD Jerantut pada kali ini.



KURSUS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN ASAS MOTOSIKAL LASAK

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

SHAH ALAM, 22 FEBRUARI 2018

Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus Pengendalian Dan Penyelenggaraan Asas Motosikal Lasak pada 22 Februari 2018 yang bertempat di Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri berkenaan pengendalian dan penyelenggaraan asas motosikal lasak yang telah diterima oleh mereka melalui program-program latihan yang telah ditetapkan oleh pihak Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn Bhd.

Fasilitator untuk bengkel ini adalah Encik Azman Bin Nordin yang merupakan *Chief Mechanic* di Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn Bhd. Pihak urusetia mensasarkan

seramai 11 peserta yang akan menghadiri kursus ini, dan seramai 11 peserta yang dapat hadir tanpa halangan. Peserta kursus terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Pahang, Negeri Sembilan dan Ibu Pejabat yang menjalankan tugas Penguatkuasaan Hutan.

Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan jabatan untuk supaya lebih memahami mengenai berkenaan pengendalian dan penyelenggaraan asas motosikal lasak yang digunakan dalam tugas sehari-hari.



KURSUS PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN ASAS KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

SEREMBAN, 23 FEBRUARI 2018

Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus Pengendalian Dan Penyelenggaraan Asas Kenderaan Pacuan Empat Roda pada 22 – 23 Februari 2018 yang bertempat di Ultra Gallant Sdn. Bhd, Seremban, N.Sembilan.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan pemandu-pemandu jabatan berkenaan pengendalian dan penyelenggaraan asas kenderaan pacuan empat roda baru yang telah diterima dari pembekal. Program-program latihan sepanjang tempoh berkursus telah ditetapkan oleh pihak Ultra Gallant Sdn. Bhd.

Fasilitator untuk kursus ini adalah Encik Muhammad B. Salleh yang merupakan Chief Mechanic di Ultra Gallant Sdn. Bhd. Pihak urusetia mensasarkan seramai 20 peserta yang akan menghadiri kursus ini, dan seramai 20 peserta yang dapat hadir tanpa halangan.



Peserta kursus terdiri daripada pegawai dan pemandu JPN N.Sembilan, P.Pinang dan Ibu Pejabat. Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan jabatan untuk supaya lebih

memahami mengenai berkenaan pengendalian dan penyelenggaraan asas kenderaan pacuan empat roda yang digunakan dalam tugas sehari-hari.

KEJOHANAN SUKAN PERSAHABATAN ANTARA PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK (PERKSUPER) DENGAN PERSATUAN KEBAJIKAN DAN SUKAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG (PEKSJAP) JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
(Jabatan Perhutanan Negeri Perak)

IPOH, 23-25 FEBRUARI

Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSUPER) dan Persatuan Kebajikan Dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (PEKSJAP) telah menganjurkan Sukan Persahabatan. Seramai 150 orang atlet daripada PERKSUPER dan PEKSJAP telah menyertai sukan kejohanan pada kali ini. Dan sebanyak lapan (8) acara sukan telah dipertandingkan iaitu acara tenpin bowling acara sukan golf, bola tampar, futsal, bola jaring, dart, karom dan congkak. Matlamat utama kejohanan sukan ini diwujudkan adalah sebagai medium yang mampu membentuk semangat kerjasama berpasukan tanpa mengira perbezaan negeri, pangkat,

bangsa dan agama. Selain itu, juga memberi kesedaran bahawa sukan telah menjadi satu (1) landasan untuk kita bersaing secara sihat, dalam suasana muhibbah, menerapkan sikap tolak ansur/toleransi antara satu sama lain serta membentuk moral dan fizikal yang lebih positif..



BENGKEL PENYEDIAAN MANUAL PROSUDER KERJA

Disediakan oleh: Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

PORT DICKSON, 28 FEBUARI 2018 HINGGA 2 MAC 2018



Jabatan perhutanan Negeri Sembilan telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Manual Prosedur Kerja bagi kakitangan pentadbiran dan juga kakitangan beruniform seramai 40 orang kakitangan telah menyertai bengkel ini. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memperbaiki dan juga penyusunan semula dalam carta aliran di Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Di sepanjang Bengkel ini diadakan perserta bengkel akan di beri tunjuk ajar dan juga cara bagaimana untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja. Tenaga pengajar bagi bengkel kali ini adalah dijemput khas dari Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan iaitu Puan Zanariah Binti Ahmad.



MAJLIS RAMAH MESRA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG BERSAMA WARGA PEJABAT HUTAN DAERAH JERANTUT

Disediakan oleh : Mohd Zarin Bin Ramlan

Pejabat Hutan Daerah Jerantut

JERANTUT, PAHANG, 7 MAC 2018

Majlis Ramah Mesra Pengarah Perhutanan Negeri Pahang bersama warga PHD Jerantut diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada semua warga PHD Jerantut beramah mesra bersama YH. Dato' Dr Mohd Hizamri bin Mohd Yassin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang. Semasa penyampaian amanat dan ucapan YH. Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin sentiasa mengingatkan kepada seluruh warga kerja Jabatan Perhutanan Negeri Pahang khususnya Warga PHD Jerantut mengenai intergriti dan etika kerja selaraskan dengan pendekatan **P= Prioritise, U=Urgency, A = Aggressiveness dan S=Strategise**. Di kesempatan itu juga, YH Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yassin telah menyampaikan Sijil Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan bagi Bulan Februari serta penyampaian hadiah kepada warga yang menyambut ulang tahun kelahiran bagi bulan Januari, Februari dan Mac.



KURSUS TEKNIK TEBANGAN BERARAH JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN
Disediakan oleh : Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

MANTIN, 9-12 MAC 2018



Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus telah mengadakan Kursus Teknik Tebangan Berarah di Pejabat Tapak Semaian Mantin. Seramai 18 orang peserta telah menghadiri kursus tersebut terdiri daripada kakitangan jabatan dan juga penebang-penebang kawasan usahasil di dalam Negeri Sembilan. Peserta di beri taklimat, penerangan dan juga pembelajaran dari segi teknik tebangan. Di sepanjang kursus ini diadakan perserta akan menduduki penilaian dari segi mengenali gergaji berantai dan juga penilaian dari segi tebangan yang disediakan oleh tenaga pengajar. Ini adalah bertujuan menilai tahap kecekapan peserta untuk mendapatkan Sijil Tahap Kecekapan. Tenaga pengajar di jemput khas dari Bahagian Latihan Perhutanan Terengganu Encik Lokman Bin Badullah, Encik Zainal Abidin Bin Hassan, Encik Rosmawadi Bin Ghazali, Encik Mohd Anuar Bin Abd Rahman dan juga Encik Mohd Azhar Bin Mamat.

KURSUS “SAFETY, OPERATION & MAINTENANCE KOMATSU SKID STEER LOADER SK815-5E0”

Disediakan oleh: Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Bahagian Teknikal & Industri Kayu

SHAH ALAM, 12 MAC 2018

Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus “Safety, Operation & Maintenance Komatsu Skid Steer Loader SK815-5E0” pada 12 Mac 2018 yang bertempat di UMW Training Centre Sdn. Bhd., Shah Alam, Selangor.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan kakitangan Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang berkenaan dengan “Safety, Operation & Maintenance Komatsu Skid Steer Loader SK815-5E0” yang telah diterima oleh mereka. Melalui program-program latihan yang telah ditetapkan oleh pihak UMW Training Centre Sdn. Bhd.

Fasilitator untuk kursus ini adalah Encik Abdul Karim Mohamad yang merupakan Course Leader di UMW Training Centre Sdn. Bhd. Pihak urusetia mensasarkan seramai 10 peserta yang akan menghadiri kursus ini, dan hanya seramai 8 peserta yang dapat hadir tanpa halangan. Peserta kursus terdiri daripada pegawai dan kakitangan JPSM di Pusat Perolehan Biji Benih dan Bahan Tanaman Lentang, Bentong, Pahang dan Ibu Pejabat.

Secara keseluruhannya, tujuan kursus ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan jabatan untuk supaya lebih memahami mengenai berkenaan pengendalian dan penyelenggaraan asas Komatsu Skid Steer Loader yang digunakan dalam tugas sehari-hari.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017 & MERAIKAN PESARA 2018 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
(Jabatan Perhutanan Negeri Perak)

IPOH, 13 Mac 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 & Meraikan Pesara 2018 yang dilangsungkan di Dewan Serbaguna Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Negeri Perak. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Meraikan Pesara ini diadakan pada setiap tahun sebagai tanda pengiktirafan dan penghargaan kepada warga JPNP di atas segala jasa, sumbangan dan pengorbanan sebagai penjawat awam, baik dalam menjalankan tugas rasmi maupun penglibatan aktif dalam kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan. Majlis sebegini juga adalah merupakan salah satu platform Jabatan dalam membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian dalam perkhidmatan kerajaan, khususnya di JPNP.

Majlis ini disambut dengan penuh gilang-gemilang dengan kehadiran tetamu-tamu jemputan. Diantara tetamu jemputan yang hadir ialah YBhg Dato' Abu Bakar bin Haji Said, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak, YB Dato' Haji Mohd Gazali bin Jalal, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YBhg Dato' Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg Dato' Zainul bin Darus, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negeri Perak dan YBhg Dato' Haji Yahaya bin Haji Madis, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak. Selain itu, Majlis ini tambah seri dengan kehadiran selebriti jemputan iaitu Cikgu Endang Hyder Zainuddin yang telah memukau tetamu-tetuam jemputan dengan persembahan violin beliau yang penuh bertenaga.

Bagi tahun 2017, Panel Sumber Manusia JPNP telah memutuskan bahawa seramai 56 orang warga JPNP telah diberikan Anugerah atas prestasi cemerlang sepanjang tahun 2017. Setiap penerima anugerah cemerlang menerima sijil penghargaan dan Sijil Simpanan Premium Bernilai Seribu Ringgit Malaysia seorang. Anugerah ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Abu Bakar bin Haji Said, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak. Manakala seramai 17 orang pesara warga JPNP bagi tahun 2018 telah diraikan yang mana setiap pesara menerima sijil penghargaan dan

sumbangan tunai daripada Persatuan Kebajikan dan Sukan JPNP yang telah disampaikan oleh YBhg Dato' Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Pada malam yang penuh gilang gemilang tersebut, JPNP juga telah membuat pelancaran Sistem e-Temuhanji dan e-Perharian Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Pelancaran Sistem e-Temuhanji dan e-Perharian JPNP telah dilancarkan secara rasmi oleh YBhg. Dato' Abu Bakar bin Haji Said, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Perak. Sistem e-Temuhanji JPNP dibangunkan dengan satu tujuan iaitu menjadi medium perhubungan kepada orang awam atau pelanggan Jabatan untuk membuat temuanji secara atas talian. Manakala Sistem e-Perharian dibangunkan adalah dengan satu tujuan iaitu bagi memudahkan penyusunan dan pengemaskinian jadual perharian direktorat JPNP dengan lebih efektif dan efisyen.



KEJOHANAN BOLA JARING PEKSJAP JERANTUT 2018

Disediakan oleh :

Nor Fatihin binti Ariffin
Pejabat Hutan Daerah Jerantut

JERANTUT, PAHANG, 25 MAC 2018

Kejohanan Bola Jaring Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (PEKSJAP) bagi Pejabat Hutan Daerah Jerantut telah diadakan pada 25 Mac 2018 bertempat di Dewan Terbuka, Jerantut melibatkan PUSPANITA PHD Jerantut dan ahli keluarga warga PHD Jerantut. Kejohanan ini telah disertai seramai 4 kumpulan yang dinamakan Kumpulan Grandis (Merah), Hopea (Merah jambu), Shorea (Biru), dan Akasia (Ungu). Kejohanan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara PUSPANITA PHD Jerantut bersama-sama ahli keluarga PHD Jerantut. Pada perlawanan akhir menyaksikan pertembungan di antara Kumpulan Grandis (Merah) dan Kumpulan Shorea (Biru). Kumpulan Grandis telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Kejohanan Bola Jaring PEKSJAP 2018 apabila menewaskan Kumpulan Shorea dengan perbezaan jaringan sebanyak 4 mata.



OPERASI BERSEPADU OPS KHAZANAH - EMAS DI HUTAN SIMPAN GUNUNG ARONG TAHUN 2018

Disediakan oleh: Jennifer anak Francis
Pejabat Hutan Daerah Johor Timur Mersing

MERSING, 25 MAC 2018

Satu Operasi Bersepadu Ops Khazanah telah diadakan di Hutan Simpan Gunung Arong Mersing dengan disertai oleh dua (2) agensi kerajaan yang terdiri daripada sebelas (11) orang anggota Pejabat Hutan Daerah Johor Timur (PHDJT) dan tiga belas (13) orang anggota daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Mersing. Tujuan operasi ini adalah untuk mengesan sebarang aktiviti haram pengeluaran hasil-hasil hutan di hutan simpanan kekal di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Johor Timur, Mersing. Operasi yang dijalankan secara bermotorsikal dan berjalan kaki ini telah menemui dua (2) lokasi mengayak emas yang aktif. Walau bagaimanapun tiada tangkapan dibuat memandangkan kawasan ini telah ditinggalkan kosong ketika serbuan dibuat. Antara barang yang dirampas adalah lima (5) buah binaan/khemah, tiga (3) palong, enam (6) pam air dan generator.



MAJLIS PERASMIAH SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR TAHUN 2018

Disediakan oleh: Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim dan Nurul Hidayah binti Hadzuha,
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

CAMERON HIGHLANDS, PAHANG, 27 MAC 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bersama Jabatan Kerajaan lain di dalam Negeri Pahang telah mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur Tahun 2018 di Kompartmen 3, Hutan Simpan Terla A, Daerah Cameron Highlands. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah. Mengiringi baginda, Yang Amat Mulia Tengku Arif Bendahara Pahang, Tengku Abdullah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, Yang Amat Mulia Tengku Arif Temenggong Pahang, Tengku Fahd Mu'a'adzam Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Ahli-Ahli Jumaah Pangkuhan Diraja Negeri Pahang. Turut hadir Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Sri Muhammad Safian Ismail, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Yang Hormat Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin dan barisan exco serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Seramai lebih kurang 800 orang kesemuanya telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut. termasuk ketua dan kakitangan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan, pelajar universiti, pelajar sekolah juga penduduk setempat. Seluas lebih kurang 1.4 hektar telah berjaya ditanam dengan sebanyak 360 pokok dari spesies Gerok (*Exbucklandia populnea*) dan Meranti Bukit (*Shorea platyclados*). Tema Sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini adalah seperti tahun sebelumnya iaitu "Hutan untuk Kesejahteraan Masyarakat". Tema ini merupakan kesinambungan daripada usaha-usaha Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Khususnya untuk menyemarak dan meningkatkan lagi kesedaran di kalangan masyarakat supaya mencintai hutan dan menghargai kepentingan serta sumbangannya kepada bagi kawasan Hutan Simpanan kekal (HSK) di Negeri Pahang serta memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

pembangunan sosio-ekonomi dan kestabilan alam sekitar. Tema yang dipilih ini juga adalah amat bertepatan dan sesuai kerana iaanya selari dengan pelaksanaan Amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management - SFM*) yang berteraskan kepada tiga (3) elemen utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk mencapai kesejahteraan kehidupan masyarakat secara berterusan serta dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh generasi masakini dan akan datang. Program seperti ini juga merupakan sebahagian daripada program CEPA iaitu *Communication, Education, and Public Awareness* yang melibatkan orang awam secara langsung dalam usaha pemulihian kawasan berhutan terutamanya



**LAWATAN EKSPEDISI LATA LAYANG, KAMPUNG PAGI
BERSAMA PELAJAR BACHELOR SAINS PERHUTANAN,
FAKULTI PERHUTANAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Disediakan oleh :
Mohd Zarin Bin Ramli
Pejabat Hutan Daerah Jerantut

KUALA TAHAN, PAHANG, 30 MAC 2018



Lawatan Ekspedisi Lata Layang, Kampung Pagi melibatkan seramai 41 orang pelajar Bachelor Sains Perhutanan, Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia telah diadakan pada 30 Mac hingga 1 April 2018. Program lawatan ekspedisi ini merupakan salah satu latihan amali kerja luar bagi Subjek Pengenalan Kepada Kreasi Luar (FHR 3601). Selain itu iaanya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sumber hutan, sumber rekreasi dan pengurusan taman. Di samping itu juga, peserta ini telah didekahkan mengenai skop bidang tugas dan tanggungjawab unit yang terlibat di dalam pengurusan sumber (taman). Taklimat mengenai Taman Eko Rimba di bawah Pentadbiran Jabatan Perhutanan Negeri Pahang turut disampaikan oleh Unit Hutan Lipur, JPN Pahang semasa lawatan ekspedisi ini berlangsung serta taklimat ringkas mengenai pentadbiran dan pengurusan PHD Jerantut turut disampaikan.

MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2018

Disediakan oleh: Sanja a/p Boon Kong
Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

NIBONG TEBAL, 12 APRIL 2018

Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 telah dianjurkan dengan jayanya di antara Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Hutan Daerah Seberang Perai Selatan dan SMKA Syeikh Abdullah Fahim. Majlis ini telah dihadiri seramai 500 tetamu terdiri daripada Pegawai Pejabat Pelajaran Seberang Perai Selatan, guru, pelajar sekolah berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang iaitu En Rusli bin Tahir. Sebanyak 200 batang anak pokok yang terdiri daripada Tekoma, Kelat, Pinang, Tanjung dan Penaga lilin telah ditanam di kawasan sekitar sekolah tersebut. Anak pokok telah disumbangkan oleh Jabatan Perhutanan Pulau Pinang.



PROGRAM SIARAN LANGSUNG TV AL-HIJRAH “PERMATA INSAN – PEMANGKIN TEKNOKRAT ISLAM AGUNG”

Disediakan oleh: Rafizah binti Minhat
PUSPANITA, JPSM

CYBERJAYA, 13 APRIL 2018

PUSPANITA JPSM telah menerima jemputan untuk ke Program Siaran Langsung “Permata Insan – Pemangkin Teknokrat Islam Agung”, TV Al-Hijrah bertempat di Al-Hijrah Big Studio (ABS), Persiaran Cyberpoint Selatan, Cyber 8, Cyberjaya. Seramai tujuh (7) orang Ahli PUSPANITA JPSM bersama dengan Timbalan Pengurus II PUSPANITA JPSM, Datin Afinaliza binti Zainal Abidin telah menghadiri program tersebut.

Program PERMATApintar(TM) telah dilancarkan pada 3 April 2009 dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diberi mandat untuk membangun, melaksana dan memantau program ini. Pusat PERMATApintarTM Negara, UKM merupakan satu-satunya pusat kecemerlangan di Malaysia yang bertanggungjawab mengenalpasti pelajar-pelajar pintar dan berbakat dari seluruh tanah air dan memberikan mereka peluang untuk mengembangkan potensi dan bakat mereka. Pusat ini menguruskan empat program utama:

- 1) Pencarian dan pengurusan bakat,
- 2) Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS),
- 3) Program Pendidikan PERMATApintarTM; dan
- 4) Program ASASpintar – program pra-universiti selama satu tahun.

Sebagai persediaan untuk menjadi sebuah negara maju, Malaysia memerlukan lebih ramai pakar-pakar saintis, teknokrat, pemikir dan *nobel laureate* di masa akan datang sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran yang tidak terfikir oleh masyarakat hari ini.



KURSUS ANATOMI KAYU BAGI PENGAWAS HUTAN, ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Disediakan Oleh : Irwan Bin Pilus, Noor Fadli Bin Hamzah, Zaikharizat Bin Bahari,
Mohd Firdau Bin Mohd Sharif, Unit Latihan Dan Pengembangan

SUNGAI MENYALA, 16 HINGGA 19 APRIL 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah mengadakan kursus Anatomi Kayu bagi Pengawas Hutan di Pusat Edu Ecotourism Sungai Menyala Port Dickson. Seramai 40 orang kakitangan telah hadir pada kursus tersebut. Kursus ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan lagi pengetahuan dalam menjalankan tugas di lapangan. Kursus ini telah dikendalikan oleh Pensyarah yang berpengalaman dari Universiti Pertanian Malaysia (UPM) iaitu Dr. Amir Affan Bin Abdul Azim atas tunjuk ajar beliau. Kakitangan dari Jabatan Perhutanan dapat menimba pelajaran baru dari segi pengecaman dan juga mengenali isi kayu dengan lebih terperinci lagi.



KURSUS PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN KEBAKARAN HUTAN JPSM

Disediakan oleh : Zaiton binti Abdullah @ Mahmad
Bahagian : Ladang Hutan & Perlindungan Hutan

MARANG, TERENGGANU, 16 hingga 20 April 2018



Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, IPJPSM dengan kerjasama Bahagian Latihan Perhutanan telah menganjurkan Kursus Pencegahan Dan Pengawalan Kebakaran Hutan JPSM 2018 pada 16 - 20 April 2018 bertempat di Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu. Kursus ini merupakan kesinambungan daripada Kursus Pencegahan dan Pengendalian Jentera Kebakaran Hutan (Tahap 1 dan 2) yang telah dianjurkan semenjak dari tahun 2007. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai dan kakitangan Jabatan di dalam pengendalian peralatan pam pemadam kebakaran hutan dan di dalam aktiviti pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan. Penganjuran kursus ini telah memberikan

impact yang besar kepada pegawai dan kakitangan di lapangan di dalam melaksanakan kerja-kerja pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan. Sasaran peserta adalah daripada Kumpulan Sokongan Gred G17 hingga G36 daripada Jabatan Perhutanan Negeri, Bahagian Pengurusan Hutan, Bahagian Ladang Hutan & Perlindungan Hutan dan Bahagian Latihan Perhutanan. Namun sedemikian, kehadiran turut disertai oleh Pembantu Awam H11 dan juga Pemandu. Penceramah dan fasilitator adalah terdiri daripada 13 orang Pegawai dan kakitangan Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu dan dibantu oleh Urusetia daripada Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, IPJPSM.



KEJOHANAN BOWLING PEKSJAP JERANTUT 2018

Disediakan oleh :
Mohd Zarin Bin Ramlan
Pejabat Hutan Daerah Jerantut

MENTAKAB, PAHANG, 21 APRIL 2018

Kejohanan Bowling Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (PEKSJAP) bagi Pejabat Hutan Daerah Jerantut telah diadakan pada 21 April 2018 bertempat di U-Bowl, Bowling Starmall Mentakab. Kejohanan ini telah dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu, Jatuh Pin Terbanyak, Jatuh Pin Berkumpulan Terbanyak (Pasangan Suami dan Isteri) dan Jatuh Pin Terendah (Terbuka). Kejohanan Bowling ini melibatkan penyertaan terbuka daripada seluruh ahli keluarga dan kakitangan PHD Jerantut. Seramai 60 orang peserta telah menyertai kejohanan bowling pada kali ini. Kejohanan bowling ini bertujuan untuk mempereratkan hubungan kekeluargaan bagi seluruh kakitangan PHD Jerantut di samping memperkenalkan ahli keluarga mereka.



KURSUS PENGECAMAN SPESIES DIPTEROKARPA DAN BUKAN DIPTEROKARPA DI PETAK KAJIAN TUMBESARAN (GROWTH PLOT)

Disediakan oleh: Nurul Huda binti Jamaluddin
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

PAHANG, 23-27 APRIL 2018



Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Kursus Pengecaman Spesies Dipterokarpa dan Bukan Dipterokarpa di Petak Kajian Tumbesaran (Growth Plot) pada 23-27 April 2018 di Pusat Latihan Perhutanan Pahang (PLPP), Kuantan, Pahang. Kursus yang telah dijalankan selama lima (5) hari tersebut telah dihadiri oleh 25 orang yang terdiri daripada pegawai, pembantu penyelidik dan pengawas hutan dari kumpulan Gred G17 dan ke atas dari Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada kakitangan JPSM mengenai jenis-jenis pokok dan tumbuhan hutan serta memberi penekanan terhadap kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa dan bukan Dipterokarpa. Kursus ini telah disampaikan oleh dua (2) penceramah iaitu Encik Mohd Nasir bin Mohd, Penolong Pegawai Kanan (Siasatan), JPSM dan Encik Salleh bin Endut, pesara Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

MAJLIS RAMAH MESRA KAKITANGAN PEJABAT HUTAN DAERAH TEMERLOH/BERA DAN PEJABAT LADANG HUTAN KEMASUL BERSAMA PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Disediakan oleh:
Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera

TEMERLOH, 24 APRIL 2018

Majlis Ramah Mesra Kakitangan Pejabat Hutan

Daerah Temerloh/Bera dan Pejabat Ladang Hutan Kemasul telah diadakan bertempat di Pejabat Ladang Hutan, Kemasul. Objektif majlis ini adalah untuk mengerakkan lagi hubungan dan menjalinkan sifat kerjasama antara pegawai dan kakitangan selain dapat bertukar-tukar pandangan dalam urusan kerja. Selain itu kakitangan dapat mendengar ucapan dan amanat yang disampaikan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang agar dapat diserapkan dalam budaya kerja. Majlis ini telah disempurnakan oleh YH. Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd. Yasin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang. Dalam majlis ini, YH Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd. Yasin telah menyampaikan cenderahati kepada 23 kakitangan yang bersara tahun 2018 bagi menghargai jasa dan khidmat yang cemerlang dalam jabatan. Seramai 200 kakitangan Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera dan Pejabat Ladang Hutan Kemasul menghadiri majlis ini. Majlis seperti ini menjadi motivasi kepada semua kakitangan Jabatan agar lebih berusaha dalam memajukan diri ke tahap yang lebih baik disamping dapat mengerakkan silaturrahim diantara kakitangan Jabatan.



RETREAT INTEGRITI DAN TADBIR URUS
[Pengurusan Tatatertib Dan Laporan Audit Negara]

Disediakan Oleh : Mohd Fouzi bin Abdul Hamid
 Unit Integriti Perhutanan, IPJPSM

KEPONG, 25-26 APRIL 2018 - Unit integriti

Perhutanaan dalam usaha meningkatkan dan mengukuhkan integriti di kalangan warga perhutanan telah menganjurkan Retreat Integriti Dan Tadbir Urus Pengurusan Tatatertib dan Laporan Audit Negara bertempat di Dewan Seminar Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong.

Objektif adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan pengurusan tatatertib dan penemuan oleh Pasukan Audit Negara di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Seramai 21 orang kakitangan yang bergred 19-44 dari Jabatan Perhutanan Negeri-Negeri telah hadir. Dua (2) orang penceramah dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya telah dijemput iaitu Pn Zalzailina Binti Salleh dari Bahagian Pengurusan Tatatertib dan En. Aznirul Fariz Bin Alwi dari Unit Laporan Audit Negara dan Operasi Khas telah menyampaikan taklimat masing-masing. Sepanjang retreat ini berlangsung, peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan dimana setiap kumpulan diberi tugas untuk dibincangkan. Hasil perbincangan dibentangkan diakhir setiap sesi.



INISIATIF HIJAU KL 2017: PROGRAM PENANAMAN POKOK “1 PINGAT 1 POKOK” BERSEMPENA DENGAN SUKAN SEA KE-29 DAN SUKAN PARA ASEAN KE-9 SERTA MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH HULU PERAK JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh: Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
 (Jabatan Perhutanan Negeri Perak)

GERIK, 26 April 2018

Inisiatif Hijau KL2017 yang dilaksanakan sempena Sukan SEA ke-29 dan Sukan PARA ASEAN ke-9 memasuki fasa ke-4 iaitu fasa terakhir dengan Program Penanaman Pokok bersempena dengan pingat yang diraih oleh para atlet pada temasya KL2017. Program ini juga merupakan kesinambungan dari program penanaman pokok bersama pemenang pingat emas Malaysia yang telah dilancarkan pada 2 November 2017. Sebanyak 235 pokok telah ditanam pada hari tersebut bertempat di Bandar Sukan Bukit Jalil.

Fasa ke-4 pada kali ini melibatkan baki 5010 pokok yang bakal di tanam di beberapa kawasan di bawah Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS) bermula April 2018 sehingga Disember 2018 melibatkan tiga buah negeri iaitu Kelantan, Perak dan juga Terengganu.

Secara ringkasnya, CFS merupakan satu pelan jangka panjang di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memelihara, memulihara dan meningkatkan penyambungan koridor ekologi di antara empat kompleks hutan utama yang terpisah di Semenanjung. Anak-anak pokok ini akan ditanam di bawah viaduct atau jejambat yang telah dibina untuk membolehkan hidupan liar merentasi kawasan hutan tersebut dengan selamat. Kawasan ini merupakan koridor ekologi penting yang menyaksikan pergerakan lintasan yang tinggi bagi haiwan liar seperti gajah, harimau dan badak.

Program 1 Pingat 1 Pokok ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Puan Salbiah Mohamed, Speaker Dewan Belia Perak. Malah Program pada kali ini dilihat lebih signifikan apabila dilaksanakan bersempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak dengan penglibatan NGO seperti Tropical Rainforest Conservation & Research



Center Bhd (TRCRC) dan Lanskap Malaysia. Kerajaan Negeri Perak dan Pihak TRCRC telah mengadakan kerjasama persefahaman untuk menubuhkan Tropical Rainforest Living Collection (TRLC) – Banun bermula tahun 2013 iaitu sebuah pusat tapak semaihan stop centre khusus untuk CFS ini dalam membantu menggalakkan program restorasi habitat-habitat di koridor CFS Negeri Perak. Program ini turut mendapat sambutan dan penajaan daripada SCGM Berhad yang juga merupakan Rakan Hijau Rasmi KL2017 dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Selain itu, dengan mengambil semangat kejayaan atlet Sukan Sea dan Para Asean, atlet SUKMA Perak daripada Persatuan Silat Kebangsaan Negeri Perak (PESAKA) Perak telah diberikan keistimewaan untuk sama-sama menjayakan aktiviti penanaman pokok pada

program kali ini. Semoga aktiviti ini, dapat membakar semangat atlet-atlet Perak dan membawa kejayaan pada negeri Perak dalam SUKMA 2018 selaku tuan rumah SUKMA 2018. Dan tidak ketinggalan penglibatan selebriti tempatan seperti acong sweet child, Zarina AF2 dan Sarah Fazny (Mentor Legend).

Program ini melibatkan penanaman pokok sebanyak 1670 yang akan ditanam di kawasan CFS Negeri Perak. Dengan permulaan penanaman pokok pada hari ini adalah sebanyak 300 pokok yang ditanam di kawasan CFS Primary Lingkages 2 Hutan Simpan Amanjaya. Hutan Simpan Amajaya yang terletak di Hulu Perak dan berhampiran dengan Hutan Royal Belum telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada 9 Mei 2013 dengan keluasan 18,866.00 hektar. Pewartaan Hutan Simpan Amanjaya ini telah memperlihatkan bahawa betapa komitednya Kerajaan Negeri Perak

dalam menyokong pelaksanaan CFS di Negeri Perak secara langsung mempergiatkan usaha memulihara dan memelihara khazanah Alam semulajadi di Negeri Perak untuk generasi akan datang.

Antara pokok yang ditanam pada hari tersebut terdiri daripada pokok Terap (*Artocarpus odoratissimus*), Asam Jawa (*Tamarindus indica*), Mata Pelanduk (*Ardisia elliptica*), Merlimau (*Suregada multiflora*), Sentul (*Sandoricum koetjape*), Kundang (*Bouea spp.*), Perah (*Elateriospermum spp.*), Beruas (*Garcinia hombroniana*), Meranti Langgong (*Shorea lepidota*), Meranti Rambai Daun (*Shorea acuminate*), Merawan Bunga (*Hopea pubescens*), Meranti Bukit (*Shorea platyclados*), Meranti Temak (*Shorea hypochra*), Balau Laut (*Shorea glauca*), Nyatoh (*Palaquium sp.*) dan Merbau (*Instia palembanica*).

PROGRAM PEMULIHARAAN PESISIRAN PANTAI BERSAMA KOMUNITI DAERAH PEKAN

Disediakan oleh : Nurfaizila binti Kamarulbahriin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUALA PAHANG, PEKAN, 29 APRIL 2018

Program Pemuliharaan Pesisiran Pantai Bersama Komuniti Daerah Pekan diadakan bertujuan untuk menyemai semangat memulihara pesisiran pantai dan mewujudkan zon penanaman pantai terutamanya kepada penduduk perumahan Komuniti Bersepadu Kuala Pahang, Pekan. Kedudukan perumahan komuniti ini adalah lebih kurang 100 meter dari pesisiran pantai. Oleh itu, kesedaran penduduk setempat untuk pemuliharaan pesisiran pantai merupakan satu keutamaan bagi menjamin kestabilan dan keselamatan penduduk sekitarnya. Program tersebut merupakan anjuran bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Berikut adalah objektif program tersebut dilaksanakan:

Mewujudkan kesedaran penduduk setempat untuk usaha-usaha memulihara pesisiran pantai sebagai lindungan semulajadi bagi mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam dan hakisan tanah;

- Mewujudkan zon penanaman bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar
- Memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi koridor kepada kepelbagaiaan biologi dan meningkatkan kualiti alam sekitar

Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Azizan bin Ahmad. Program ini



turut disertai oleh pihak PERHILITAN yang membawa dua (2) ekor gajah untuk memeriahkan lagi program ini. Antara aktiviti lain yang turut diadakan ialah Pertandingan Mewarna bagi Kategori Kanak-Kanak Berumur 5 hingga 8 tahun dan juga 9 hingga 12 tahun. Pertandingan Swafoto dan pertandingan meneka bilangan biji benih. Sebanyak 500 anak pokok rhu dan ketapang telah ditanam pada program ini. Selain itu, sebanyak 2000 anak pokok nadir telah diedar kepada penduduk Komuniti Daerah Pekan pada hari tersebut. Seramai 2000 orang yang terdiri daripada Penduduk Kampung Kuala Pahang, Pelajar UMP Pekan, pelajar sekolah rendah dan tadika Kuala Pahang, wakil JKPK Kg Daerah Pekan,

Persatuan Ibu Tunggal Pekan, pegawai dan kakitangan pelbagai jabatan di daerah Pekan, pegawai dan kakitangan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dari pihak penduduk Komuniti Daerah Pekan. Pihak penduduk ada memaklumkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang

3rd Malaysia Cavers Symposium 2018

Disediakan oleh :

Ginny Choong Huey Jin,

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

Temerloh, Pahang, 1-6 Mei 2018-

3rd Malaysia Cavers Symposium 2018 telah berjaya dianjurkan di Taman Eko-Rimba Gunung Senyum, Temerloh, Pahang pada 1 hingga 6 Mei 2018. Simposium selama 6 hari ini merupakan anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan kerjasama Malaysia Speleological Association (MASA). Symposium ini melibatkan penyertaan seramai 60 peserta dari pelbagai disiplin yang aktif mencebur ke dalam speleologi atau meneroka gua. 5 orang pembentang kertas kerja yang dijemput adalah Dr. Eko Haryono selaku Pengurus Asian Union of Speleology, Encik Zainul Fikri bin Mohd Idris selaku Pengurus Malaysia Speleological Association, Encik Alex Macmuddin Ali dari Indonesian Speleology Society, Encik Vijay Chikara dan Puan Richa Jain dari Abode of Clouds-Meghalaya Caving Projek, India.

Tema Simposium "Unearthing the potential of Ecotourism from the forest to the karst" amat menepati dengan objektif simposium ini iaitu bagi merungkai dan mengembangkan potensi aktiviti ekopelancongan di kawasan Hutan Simpan Kekal yang bukan sahaja melibatkan lanskap hutan tetapi juga meliputi pelbagai lanskap lain termasuk gunung dan gua batu kapur. Simposium ini dapat menyediakan platform kepada peserta dari pelbagai latar belakang untuk bertukar pendapat dan kepakaran bagi sama-sama memajukan industri ekopelancongan berdasarkan gua di Pahang terutamanya di Taman Eko-Rimba Gunung Senyum. Simposium ini telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Majlis perasmian turut disertai oleh YH Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, YH Dato' Mohd Basri bin Abdul Manaf, Timbalan Pengarah Perhutanan (Operasi), Encik Abd Rahman Abdul Jalil, Pengarah Bahagian Forest Eco Park & Hutan Taman Negeri,

Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, wakil dari Jabatan Mineral dan Geosains Pahang, Pejabat Polis Daerah Temerloh, Pejabat Tourism Malaysia dan pihak media.

Dengan pengajaran 3rd Malaysia Cavers Symposium 2018, adalah diharapkan dapat mengumpul dan menghasilkan komuniti penjelajah gua yang ada di Malaysia sebagai penggerak untuk mempromosikan keindahan gua-gua yang terdapat di Taman Eko Rimba-Gunung Senyum.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia.



MAJLIS ILMU IHYA RAMADHAN 2018M/1439H JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

Disediakan oleh:

Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari

Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 31 Mei 2018

Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNP) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSPER) serta PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menganjurkan Majlis Ilmu Ihya Ramadhan 2018M/1439H di Dewan Rimbawan Jabatan Perhutanan Negeri Perak sempena menyambut bulan Ramadhan Al Mubarak. Bersempena dengan Majlis Ilmu Ihya Ramadhan ini, turut diadakan Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih Berjemaah bagi menghidupkan lagi suasana beribadah di bulan Ramadhan dan memupuk nilai-nilai mahmudah dalam diri warga JPNP. Pelbagai pengisian ilmu dan aktiviti kerohanian diterapkan dalam majlis pada kali ini.

Antaranya, Majlis Ilmu Ihya Ramadhan ini telah diserikan dengan mutiara ilmu yang disampaikan

oleh Penceramah Jemputan iaitu Ustaz Mohd Zainudin bin Mohamed Zaini atau lebih dikenali sebagai PU Yeob. Majlis ini turut meraikan pelajar-pelajar Tahfiz dari Maahad Tahfiz Wal Qiraat Negeri Perak. Warga JPNP berpeluang mendengar alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Nur Karim yang telah disampaikan oleh Pelajar-pelajar pusat Tahfiz.

Dengan rasa tanggungjawab sosial JPNP melalui Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Perak (PERKSPER) dan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menyerahkan sumbangan kepada 30 orang pelajar Maahad Tahfiz Wal Qiraat Negeri Perak dan ahli PERKSPER yang ditimpa musibah serta kurang

berkemampuan. Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Ghazali bin Jalal Pegawai Kewangan Negeri Perak.



**MAJLIS PELANCARAN PELEPASAN OPERASI DAN
PENGUATKUASAAN HUTAN SEMPENA PERAYAAN
AIDILFITRI “OPS RENDANG” JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PERAK**

Disediakan oleh: Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
Jabatan Perhutanan Negeri Perak

IPOH, 11 Jun 2018

Sempena musim perayaan Aidilfitri 2018M/1439H Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) telah melancarkan “OPS Rendang” yang bertujuan untuk membanteras dan mencegah jenayah hutan sepanjang musim perayaan Aidilfitri sebagaimana yang telah diperuntukan di bawah Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Seramai 30 orang pegawai dan anggota JPNPk terlibat dalam OPS Rendang yang dilaksanakan selama 2 minggu iaitu bermula pada 11 Jun 2018 dan berakhir pada 23 Jun 2018. OPS Rendang juga mendapat kerjasama dan penglibatan secara langsung oleh agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Negeri Perak, Pasukan Gerakan AM (PGA) Negeri Perak, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perak, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Perak dan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Perak.



Sudut Catatan Ilmi



PANDUAN IKHTIAR HIDUP DI HUTAN

Disediakan oleh:
Shohaimi bin Md Sani
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan,
Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

Pengenalan

Pengembaran di hutan sering terdedah kepada pelbagai risiko dan kemungkinan yang tidak diingini. Risiko dan kemungkinan seperti tersesat, terpisah dari kumpulan, serangan hidupan liar, ketidadaan atau kehabisan makanan, sakit, kemalangan, bencana alam dan gangguan makhluk halus sering menjadi ketakutan kepada pengembara di hutan. Dalam keadaan begini, seseorang atau kumpulan itu perlu mencari kaedah atau cara yang bersesuaian bagi mengatasi masalah atau melepassi risiko tersebut.

Sehubungan itu pengembara hutan perlu memperlengkapan diri dengan ilmu yang berkaitan dengan hutan serta mempelajari asas-

asas kemahiran kehidupan di hutan. Antara ilmu yang perlu diketahui ialah etika dan pantanglarang semasa di hutan, kemahiran-kemahiran asas seperti membina tempat perlindungan, pandu arah, penggunaan peta dan *Global Positioning System (GPS)*, mengenal sumber hutan yang boleh dimakan serta membina perangkap dan jerat.

Secara umumnya, ikhtiar hidup adalah merupakan satu kemahiran bagi meneruskan hidup dan melepaskan diri dari ancaman dalam persekitaran yang genting atau merbahaya tanpa mempunyai kemudahan yang mencukupi. Peluang untuk hidup akan banyak bergantung kepada faktor-faktor persediaan diri dengan ilmu

ikhtiar hidup, kekuatan dan keyakinan diri serta kebijaksanaan menggunakan teknik yang betul untuk bertindak. Dalam konteks ini bolehlah disimpulkan bahawa ikhtiar hidup merupakan satu usaha atau ikhtiar yang harus dilakukan oleh seseorang supaya boleh terus hidup ketika menghadapi ancaman.

Definisi Ikhtiar Hidup Di Hutan: Merupakan satu usaha atau ikhtiar yang harus dilakukan oleh seseorang supaya boleh terus hidup ketika menghadapi ancaman di hutan.

Keratan Akhbar Berita Harian Pada 7 Jun 2006

Air sungai penyambung nyawa

Saya hanya fikir mahu keluar dari hutan dan berjumpa keluarga. Tetapi malangnya semakin ikut arus sungai, semakin jauh ke dalam hutan

MOHAMAD NORDIN
Mangsa Hilang

KOTA BHARU 7 Jun - "Sepanjang 22 hari sesat dalam hutan, saya minum air sungai sahaja tanpa makan apa-apa makasn dan melainkan sebukti roti yang ada dalam simpanan saya pada hari pertama sesat."

Itulah pengalaman yang terpaksa ditemui oleh Mohamad Faris Petra ketika diceritakan kepada Tengku Makhtoba Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra ketika baginda melawatnya di Wan 10 Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, malam ini.

Menurutnya lebih lanjut, dia yang masih lemah dan kelihatan kurus membenarkan, setelah menyedari terpisah daripada tiga rakan dan tersarar juah ke dalam hutan, langkah pertama beliau lakukan untuk kembali ke markas taktilik yang menjadi kem pengilapannya dengan mencari anak sungai.

"Ketika itu, saya hanya fikir mahu keluar dari hutan dan berjumpa keluarga. Tetapi malangnya semakin ikut arus sungai, semakin jauh ke dalam hutan," katanya.

"Saya tidak tahan kerana boleh berlakuk demikan kerana setiap kali arus sungai, semakin jauh ke dalam hutan," katanya.

Tengku Muhammad Faris Petra yang dimaklumkan berhubung penemuan Mohamad Nordin meluangkan masa kira-kira satu jam untuk melawat mangsa.

Baginda yang ketika itu berada di Kuala

Lumpur atas urusan rasmi bergegas pulang ke Kelantan setelah mengetahui jururawar dari syarikat Nafuri UKR Sdn. Bhd. itu sudah dibunuh.

"Beliau mengugapkan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat yang bertangku lumus sejak 15 Mei lalu mencari Mohamad Nordin.

Mohamad Nordin dijumpai oleh tiga Orang Asli terdampar di atas batu berhampiran Sungai Wi, Cameron Highlands kira-kira 10 kilometer dari lokasi belau bekerja di Kawasan hutan Tanah Tinggi Lojing, Gua Menggulung.

Dia yang mengalami luka kecil di kakinya berteriak kerana tidak berdepan dengan ancam binatang buas atau kejadian misteri.

Ini kerana, katanya, beliau tidak putus-potus berzikir dan membaca ayat-ayat suci al-Quran semasa berada di dalam hutan sambil berdoa agar ada orang menemuiinya.

"Semoga berada dalam hutan ini dan lahan minum air sungai saya masih termasuk manusia jalan keharuan sehingga seti ap kali tiba waktu mualim, saya berlindung atau tidak di celah batu.

"Syukur saya tidak demam dan badan pun langsung tidak digigit nyamuk walauupun pada waktu malam rasa amat gelap kerana permata apa yang saya bawa terjerat ke dalam sungai," katanya.

Menurutnya, setelah semua jalur ikhtiar buntut, akhirnya dia yang mula lemah mengam-



MOHAMAD Nordin Omar gembira menerima kunjungan isterinya Naimah Aziz dan anak bongsu mereka Mohd. Hakimi di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, semalam.

bil keputusan untuk naik di stas batu besar dengan harapan ada orang menemuiinya.

"Sebelum ini, saya banyak menghabiskan masa berselingkuh di bawah atau celah batu, tetapi kelmarin saya ambil keputusan untuk naik atas batu dan tidak sedar saya pengsan.

"Saya sedar setelah ada orang (Orang Asli) kejutkan saya dan dia tanya kenapa saya tidak atas batu seorang diri. Saya katakan kepada mereka bahawa saya sesat.

"Seorang daripada mereka meminta kad pengenalan saya dengan alasan untuk membuat laporan di balai polis, manakala dua lagi rakannya membandu saya termasuk memberi makanan," katanya.

Mohamad Nordin sempat berpusrah dengan berikutnya kerana dia takut kurus berhengkang bersendirinya ketika hari akhir menjalankan kerja ukur iaitu 64 kilogram.

Ditanya bagaimana dia bolch tersebut, ka-

nya, dia tidak tahu macam mana berlaku kerana kawasan yang dia sesat itu pernah dilalui sebelum ini.

Sementara itu, seorang doktor yang enggan

namanya diistirak berkenan untuk membuat tiga anjing berbulu hitam lagi berwatan lajuat.

"Dia sudah baik, dapat bercakap dan makan. Dia perlu bersih untuk memulihkan kesihatannya," katanya.